

RUJ. KAMI (OUR REF.) :UMP.02.01/10.12/2 (32)
RUJ. TUAN (YOUR REF.) :

30 Disember 2010

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 15 TAHUN 2010 :
PENAMBAHBAIKAN DASAR MENGENAI PENERIMAAN SIJIL SAKIT YANG
DIKELUARKAN OLEH HOSPITAL / KLINIK DI SINGAPURA**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 5/2010 yang bermesyuarat pada 12 November 2010 telah bersetuju untuk menerima pakai pekeliling berkenaan penambahbaikan dasar mengenai penerimaan sijil sakit yang dikeluarkan oleh hospital / klinik di Singapura.

3. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran Bil. 15 Tahun 2010 mengenai Penambahbaikan Dasar Mengenai Penerimaan Sijil Sakit Yang Dikeluarkan Oleh Hospital / Klinik Di Singapura untuk makluman dan tindakan tuan/puan seterusnya.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(HARYANI BINTI ABDULLAH)
b.p Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

s.k YH Dato' Naib Canselor

PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 15 TAHUN 2010

PENAMBAHBAIKAN DASAR MENGENAI PENERIMAAN SIJIL SAKIT YANG DIKELUARKAN OLEH HOSPITAL / KLINIK DI SINGAPURA

TUJUAN

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Lembaga Pengarah Universiti bagi menerima pakai Surat Edaran JPA(S)223/8/3 Klt.15 (9) bertarikh 21 Oktober 2010 berhubung keputusan Kerajaan untuk menambahbaik dasar mengenai penerimaan sijil sakit yang dikeluarkan oleh hospital / klinik di Singapura.

LATARBELAKANG

2. Peraturan semasa telah menetapkan bahawa pegawai yang jatuh sakit semasa bercuti rehat di luar negara boleh diberi Cuti Sakit dengan syarat pegawai itu dimasukkan ke hospital dan permohonannya disokong oleh sijil sakit dari seorang Pegawai Perubatan Kerajaan negara berkenaan.
3. Untuk mewujudkan kemudahan yang lebih baik kepada pegawai, peraturan berkaitan penerimaan sijil sakit ini ditambahbaik selaras dengan perkembangan dan perubahan semasa.

SYARAT DAN KELAYAKAN

4. Peraturan dan syarat-syarat bagi Ketua Jabatan meluluskan kemudahan Cuti Sakit kepada pegawai yang menerima sijil sakit yang dikeluarkan oleh klinik / hospital di Singapura adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut;
 - (i) pegawai telah mendapatkan kelulusan ke luar negara dari Ketua Jabatan;
 - (ii) pegawai yang menerima rawatan **pesakit luar** di hospital/klinik di Singapura, sijil sakit yang dikeluarkan oleh doktor tanpa sokongan

Pegawai Perubatan Kerajaan boleh diterima terhad bagi jumlah tidak melebihi **15 hari** dalam sesuatu tahun kalendar. Jumlah 15 hari ini termasuk jumlah penerimaan sijil sakit yang dikeluarkan oleh doktor swasta di dalam negara tanpa sokongan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan;

- (iii) pegawai yang menerima rawatan sebagai **pesakit dalam** di hospital/klinik di Singapura, sijil sakit yang dikeluarkan oleh doktor tanpa sokongan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan boleh diterima terhad bagi tempoh tidak melebihi **90 hari** dalam sesuatu tahun kalendar; dan
- (iv) bagi pegawai yang berkhidmat di sempadan Malaysia-Singapura yang mendapatkan rawatan sebagai pesakit luar hospital/klinik di negara berkenaan, sijil sakit yang dikeluarkan oleh doktor tanpa sokongan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan boleh diterima tertakluk kepada peraturan di perenggan 4(ii) di atas.

PROSEDUR

- 5. Staf hendaklah memohon cuti sakit sebagaimana prosedur biasa melalui *E-Community*.
- 6. Permohonan cuti sakit yang tidak melebihi 90 hari hendaklah diluluskan oleh Ketua Jabatan.

TARIKH KUATKUASA

- 7. Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa serta merta.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,


(HAJ MUSTAFA BIN IBRAHIM)
PENDAFTAR

Tarikh : 23 DEC 2010

Edaran Kepada.:

Bendahari

Ketua Pustakawan

Semua Dekan

Semua Pengarah / Ketua Jabatan

Salinan kepada.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Penolong Naib Canselor (Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti)

Penolong Naib Canselor (Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Sbi/Pkh/c/pekeliling/PP15_2010